

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(XII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI  
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

14. Dalam mesyuarat Mengkuang Dam pada 25/6/18, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) merumuskan tanah runtuh dalam Mengkuang Dam berpunca dari resort tetapi lawatan tapak saya pada 26/6/18 tidak mendapati "resort" tetapi pondok durian yang tiada tanah runtuh. Tanah runtuh di cerun bukit yang tiada sistem perlindungan cerun. Bolehkah Kerajaan Negeri minta KeTTHA tuntut *defect liability*?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Projek Empangan Mengkuang dibina bagi menampung keperluan bekalan air mentah sekiranya berlaku gangguan bekalan air mentah dari Sg. Muda. Kerja-kerja pembinaan Empangan Mengkuang bermula pada 1 Ogos 2011 dan tarikh siap sebenar ialah pada 31 Julai 2016. Walau bagaimanapun tarikh siap semasa ialah pada 10 April 2017 dengan **tempoh kecacatan** berakhir pada 16 November 2019.

Oleh itu segala kecacatan yang berlaku dalam tempoh ini, kerja penyelenggaraan dan pembaikan di dalam kawasan Empangan Mengkuang adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA).